

Hazmat berjaya tutup kebocoran pada saluran paip gas

# Kilang ayam bebas ammonia

**JASIN** – Polis mengesahkan kilang memproses ayam di Merlimau di sini yang mengalami kebocoran saluran paip gas ammonia di bahagian penyejuk beku produk makanan kilang itu kelmarin telah ditangani dan keadaan kini kembali normal.

Timbalan Ketua Polis Daerah Melaka Tengah, Superintendan Raiz Mukhliz Azman Aziz berkata, Unit Bahan Berbahaya (Hazmat) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JPBM) berjaya menutup kebocoran pada saluran paip gas ammonia pada pukul 2.40 pagi semalam sebelum membiarkan keseluruhan ruangan premis itu kosong selama beberapa jam.

"Kita biarkan lebih kurang empat jam bagi memastikan baki gas yang ada di kawasan kejadian hilang sepenuhnya dan



ANGGOTA Hazmat melakukan pemeriksaan bacaan kualiti udara di SK Paya Redan, Jasin susulan kejadian kebocoran gas ammonia yang berlaku di sebuah kilang pemprosesan ayam kelmarin.

pengesanan terakhir oleh unit Hazmat pada pukul 10.32 pagi tadi (semalam) mendapati keadaan kilang adalah selamat dan bebas daripada pencemaran gas

ammonia.

"Cuma keselamatan pengoperasian kilang hanya akan ditentukan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Ke-



Pekerja sesak nafas gas ammonia kilang bocor

selamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) selepas pemeriksaan sama ada boleh beroperasi semula atau ditangguhkan," katanya pada sidang akhbar di pusat kawalan operasi di kilang berkenaan di sini semalam.

Raiz Mukhliz berkata, susulan itu juga, pusat kawalan operasi kebocoran gas ammonia di kilang berkeluasan 6 hektar itu ditutup pada pukul 11.30 pagi semalam manakala dua pusat pemindahan sementara yang dibuka masing-masing di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dang Anum dan SMK Ayer

Molek, Melaka Tengah ditutup pada pukul 7 pagi semalam.

Katanya, kejadian itu menyebabkan, seramai 33 pekerja dikejarkan ke hospital selepas mengalami muntah, sakit mata dan sesak nafas namun setakat semalam hanya 16 mangsa yang masih mendapatkan rawatan iaitu 12 orang di Hospital Melaka dan empat lagi di Hospital Jasin.

Sementara itu, katanya, 101 calon Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) membabitkan tiga buah sekolah berhampiran kawasan kilang iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Paya Redan, SK Serkam Darat dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Ladang Serkam yang menjalani pemeriksaan di pusat peperiksaan baharu akan menjalani peperiksaan di sekolah masing-masing bermula hari ini. – Bernama